

**TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI HAJI MOHAMUD**

**YANG DIPERTUA MPSP**

**SEMPENA**

**"PROGRAM PENANAMAN POKOK TECOMA (TABEBUIA SPP) TERBESAR"**

**27 OGOS 2017 (AHAD), 7.00 PAGI**

**BERTEMPAT DI KOLAM TAKUNGAN BASAH (WET POND)**

**BERSEBELAHAN IBU PEJABAT MPSP, BANDAR PERDA**

---

**Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng**

Ketua Menteri Pulau Pinang

**Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas & Tebatan Banjir

**Yang Berhormat Ahli-Ahli EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang**

**Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri**

**Yang Berhormat Ahli-Ahli Parlimen**

**Yang Dihormati Tuan-Tuan dan Puan-Puan Ahli Majlis,**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir Hjh Rosnani bt Hj Mahmod**

Setiausaha Perbandaran

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Hadirin Sekalian**

**Yang Amat Berhormat Ketua Menteri / Yang Berhormat / YBhg. Dato' / Tuan-Tuan / Puan-Puan yang saya hormati sekalian,**

*Assalamualaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh* dan Salam Sejahtera,

*Alhamdulillah*, bersyukur kita kehadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama berkumpul pada hari ini dalam Program Penanaman Pokok Tecoma (Tabebuia SPP) Terbesar sempena Hari Kemerdekaan yang ke -60.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang; Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Yang Berhormat -Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan yang turut sudi hadir walaupun hari ini merupakan cuti hujung minggu dan kemungkinan padat dengan program lain.

Tidak ketinggalan juga saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan program ini.

**Yang Amat Berhormat Ketua Menteri / Yang Berhormat / YBhg. Dato' / Tuan-Tuan / Puan-Puan yang saya hormati sekalian,**

Program menanam 3,000 batang pokok adalah salah satu daripada 12 pelan tindakan (*action plan*) yang telah saya janjikan semasa Majlis Pelantikan sebagai Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai pada 1 Julai 2017.

Penganjuran program ini adalah hasil kolaborasi di antara Majlis Perbandaran Seberang Perai bersama Ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan, kakitangan MPSP, sektor swasta, Jabatan Perhutanan, Politeknik Seberang Perai, Kolej Komuniti, Hospital Bukit Mertajam, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan penduduk Seberang Perai SPT, SPU dan SPS.

Sehingga kini, MPSP mempunyai tajaan sebanyak 5,280 batang pokok. Bagi program hari ini, sebanyak 3,000 batang pokok akan ditanam di seluruh Seberang Perai dan selebihnya akan ditanam dalam Fasa ke dua program. Terima kasih kepada Ahli-ahli Majlis yang telah memberi sumbangan sebanyak 690 batang pokok., jabatan perhutanan sebanyak 500 batang pokok, dan pemaju adalah sebanyak 3,418 batang pokok dan selebihnya adalah daripada MPSP sendiri.

#### **JUMLAH TAJAAN POKOK TABEBUIA SPP (TECOMA)**

BIL	AGENSI	JUMLAH POKOK
1.	MPSP (JABATAN LANDSKAP)	671
2.	PUAN SETIAUSAHA PERBANDARAN	1
<b><u>AHLI MAJLIS MPSP</u></b>		
3.	EN. TAN CHEONG HENG	300
4	EN. ANUAR BIN YUSOFF	10
5.	EN. SATEES A/L MUNIANDY	100
6.	EN. DAVID MARSHEL A/L PAKIANATHAN	150
7.	EN. TAN CHEE TEONG	30
8.	EN. KUMAR A/L KANAPATHY	20
9.	DR. TIUN LING TA	20

10	EN. ZULKIFLI BIN IBRAHIM	20
11.	EN. WONG CHEE KEET	20
12.	EN. ZAINI BIN AWANG	10
13.	EN. ZULKIFLI BIN ISHAK	10
	<b>JUMLAH</b>	<b>690</b>

**AGENSI KERAJAAN**

14.	JABATAN PERHUTANAN	500
-----	--------------------	-----

**PEMAJU**

15.	EURASIA EXPRESS SDN. BHD.	300
16.	PLB TERANG SDN. BHD.	500
17.	HUNZA SDN. BHD. (KEPALA BATAS)	300
18.	AUTOCITY	50
19.	THE LIGHT HOTEL	10
20.	ASAS DUNIA S/B (AM JASON)	300
21.	SP SETIA BERHAD	300
22.	TAMBUN INDAH	100
23.	ORIENTAL MAX	300
24.	SUNWAY BINTANG S/B	300
25.	ECO MEADOWS DEV. SDN. BHD.	300
26.	ASPEN GROUP	600
27.	PENANG SENTRAL	58
	<b>JUMLAH</b>	<b>3,418</b>
	<b>JUMLAH KESELURUHAN BIL. POKOK</b>	<b>5,280</b>

Tidak ketinggalan juga kepada Premium Sound Solutions Sdn. Bhd. yang menyumbang sebanyak 3,000 botol *mineral water* dan juga kepada SP Setia Bhd.

yang turut menyumbang 3,000 sarung tangan dan skup tanah bagi tujuan penanaman pada hari ini.

**Yang Amat Berhormat Ketua Menteri / Yang Berhormat / YBhg. Dato' / Tuan-Tuan / Puan-Puan yang saya hormati sekalian,**

Program Penanaman Pokok Teduhan Sempena Hari Kemerdekaan Yang Ke-60 yang dianjurkan ini oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bersempena Bulan Kemerdekaan tahun ini dengan Tema kemerdekaan kita “*Negaraku Sehati Sejiwa*”. Program ini diharap dapat menyemarakkan lagi semangat patriotisme dan semangat kekitaan di kalangan kita dan seterusnya mengukuhkan perpaduan dan keharmonian masyarakat dalam negeri mahupun Negara.

Sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang menjadikan Pulau Pinang bersih, hijau, selamat dan sihat, Majlis Perbandaran Seberang Perai berhasrat untuk memperbanyakkan lagi kawasan-kawasan hijau yang berlatar belakangkan landskap yang menarik dan cantik di Seberang Perai.

Program Penanaman Pokok Teduhan Sempena Hari Kemerdekaan Yang Ke-60 yang diadakan pada hari ini melibatkan penanaman 3,000 pokok teduhan jenis *Tecoma (Tabebuia sp.)* secara serentak di 13 lokasi di seluruh Seberang Perai. Empat (4) lokasi di Seberang Perai Utara, lima (5) lokasi di Seberang Perai Tengah dan empat (4) lokasi di Seberang Perai Selatan. Di kawasan Seberang Perai Utara (SPU) sebanyak 990 batang pokok akan ditanam, di Seberang Perai Tengah (SPT) sebanyak 1750 batang pokok dan di Seberang Perai Selatan sebanyak 260 batang pokok.

## **LOKASI PENANAMAN POKOK**

### **SEBERANG PERAI UTARA**

Bil	Lokasi	Jumlah Pokok
1	Taman Bagan ( Jalan Bagan 45)	30
2	Taman Riang	10
3	Taman Perda Indah	200
4	Jalan Sungai Lokan	750
	<b>JUMLAH POKOK</b>	<b>990</b>

### **SEBERANG PERAI TENGAH**

Bil	Lokasi	Jumlah Pokok
1	Kolam Takungan Basah 1 & 2, Bandar Perda (Berhampiran Ibupejabat MPSP)	700
2	Rezab Jalan Bulatan Bukit Tengah (Bersebelahan Flat)	200
3	Rezab Parit Monsun Bandar Perda (Bersebelahan Masjid))	200
4	Taman Tunku (Belakang Kompleks Sony, Seberang Jaya)	600
5	Autocity, Juru	50
	<b>JUMLAH POKOK</b>	<b>1,750</b>

### **SEBERANG PERAI SELATAN**

Bil	Lokasi	Jumlah Pokok
1	Taman Rekreasi Valdor	100
2	Taman Belatuk & Taman Bersatu	50
3	Taman Seri Bayu	10
4	Bandar Tasek Mutiara i. Lorong 12, SS/2 ii. Lorong 3, SS/3 iii. Jalan Tasek Mutiara 8	100
	<b>JUMLAH POKOK</b>	<b>260</b>

**JUMLAH KESELURUHAN POKOK = 3,000 POKOK**

Lokasi di mana kita berada sekarang adalah Kolam Takungan Basah 1 & 2, Bandar Perda yang merupakan salah satu lokasi penanaman Pokok Tecoma. Lokasi ini dipilih kerana terletak berhampiran dengan Ibu Pejabat Majlis Perbandaran Seberang Perai. Selain itu, dengan adanya pokok-pokok tersebut di sekitar kawasan ini, adalah diharapkan tempat ini akan menjadi tumpuan penduduk setempat untuk datang beriadah dan berekreasi.

Tapak ini mempunyai anggaran keluasan 51,176 meter persegi di mana kawasan air (tasik) adalah 40,241.7 meter persegi manakala kawasan hijau pula adalah 10,934.8 meter persegi. Sebanyak 700 batang pokok akan ditanam di sekitar kawasan ini pada pagi ini.

Pada hari ini, lebih kurang 4,000 orang terlibat dalam merealisasikan program ini agar berjalan dengan lancar. Usaha ini melibatkan 4P's (*Public, Private, People dan Partnership*) di samping mendapat sokongan padu daripada pihak Kerajaan Negeri. Terima kasih kepada semua. Tanpa anda, MPSP tidak dapat merealisasikan usaha murni ini.

**Yang Amat Berhormat Ketua Menteri / Yang Berhormat / YBhg. Dato' / Tuan-Tuan / Puan-Puan yang saya hormati sekalian,**

Jenis pokok teduhan yang dipilih adalah pokok *Tecoma* atau nama saintifiknya *Tabebuia* spp. Di Malaysia, pokok ini terkenal dengan nama ‘pokok kertas tisu’ kerana kelopak bunganya yang lembut dan banyak ditanam sebagai tanaman untuk landskap taman. Nama-nama lain yang diguna pakai adalah pokok bunga sakura dan *Cherry Blossom of Penang*.

Pokok *Tecoma* mudah ditemui di lokasi asalnya iaitu di Mexico hingga ke bahagian utara benua Amerika Selatan. Ia tumbuh pada ketinggian 1,200 meter (m) dari paras laut dengan suhu purata antara 20°C hingga 30°C selain memerlukan hujan tahunan melebihi 500 milimeter setahun. Pokok ini mengeluarkan bunga berwarna putih, kuning dan merah jambu setiap tahun dan musim bunga ‘sakura’ biasanya jatuh pada bulan Mac hingga April (yang merupakan musim panas di Negeri Pulau Pinang). Tempoh matang bagi pokok ini adalah dianggarkan lima (5) tahun ke atas untuk mengeluarkan bunga. Bunganya nipis dan lembut seperti sutera yang lembut.

Pokok ini dipilih untuk ditanam di Seberang Perai ini bukan sahaja kerana kecantikan bunganya tetapi kerana pokok ini cepat membesar (*fast-growing species*). Bentuk kanopinya yang rendang dan merimbun sesuai dijadikan sebagai pokok teduhan. Warna bunganya yang pelbagai dan menarik juga menjadikan tanaman ini sering ditanam sebagai tanaman hiasan baik di tepi jalan mahupun di dalam kawasan bandar.

Bunganya yang lebat dan mekar membuatkan orang ramai seolah-olah berada di musim bunga sakura di Jepun. Walaupun ia hanya berlaku untuk suatu tempoh singkat, tetapi ia memberikan 1,001 kenangan kepada penduduk setempat merasai musim bunga seperti di negara luar. Keindahannya itu turut memberi peluang kepada orang ramai untuk merakam gambar kenangan di bawah pokok terbabit. Penanaman ini juga bertujuan mewujudkan identiti setempat (*local identity*) terutamanya pada ketika musim pokok ini berbunga.

**Yang Amat Berhormat Ketua Menteri / Yang Berhormat / YBhg. Dato' / Tuan-**

**Tuan / Puan-Puan yang saya hormati sekalian,**

MPSP akan terus komited merealisasikan hasrat menanam pokok di seluruh Seberang Perai bagi mencapai hasrat untuk menjadikan Seberang Perai sebuah bandaraya rendah karbon dan Bandar raya pintar pada tahun 2022. Sehingga kini sebanyak 243,000 batang pokok daripada pelbagai jenis telah ditanam diseluruh Seberang Perai, yang secara tidak langsung menghasilkan 30,618,000 kg oksigen dalam tempoh setahun. Saya berharap agar suatu hari nanti, Seberang Perai dapat mencapai penanaman 1,000,000 juta pokok di Seberang Perai.

Sekali lagi, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang bersama-sama menjayakan Program Penanaman Pokok Teduhan Sempena Hari Kemerdekaan Yang Ke-60. Di kesempatan ini juga saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada seluruh kakitangan MPSP yang bertungkus lumus dalam persiapan penganjuran program ini dan penaja-penaja yang telah memberi sumbangan pokok-pokok untuk program ini. Harapan saya, hubungan kerjasama yang terjalin akan berterusan dengan lebih erat lagi dalam program-program akan datang.

Saya juga ingin menyeru dan menjemput pihak swasta, pemaju, badan-badan bukan kerajaan dan sesiapa yang berminat untuk bersama-sama dengan Majlis Perbandaran Seberang Perai dalam menjadikan Seberang Perai bandaraya pintar menjelang tahun 2022. Oleh itu, MPSP berhasrat untuk menjadikan acara tanam pokok bulan kemerdekaan ini sebagai acara tahunan yang menjadi kebanggaan penduduk Seberang Perai. Sempena Bulan Kemerdekaan ini juga, marilah kita

bersama-sama memupuk sifat kerjasama dan bersatu hati bagi merealisasikan harapan Kerajaan Negeri kita.

Dengan ini, saya sudahi dengan *Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

**TERIMA KASIH dan SALAM MERDEKA**